

02/08/1998

Buku 50 Dalil: Polis tahan Datuk

KUALA LUMPUR: Polis kelmarin menahan seorang ahli perniagaan bergelar Datuk yang dipercayai terbabit dalam kes buku politik kontroversi, 50 Dalil Kenapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Yacob Md Amin ketika dihubungi Berita Minggu semalam mengesahkan penahanan itu.

"Datuk itu ditahan kerana kita percaya beliau terbabit dengan buku kontroversi tulisan Khalid Jafri," katanya.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lanjut butir-butir mengenai penahanan itu.

Difahamkan, Datuk terbabit ditahan di kediamannya, di Petaling Jaya kelmarin sebelum dibawa ke mahkamah untuk mendapatkan perintah reman polis bagi membantu siasatan lanjut.

Kelmarin, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mendapat perintah menghalang penulis dan penerbit buku berkenaan daripada terus memfitnahnya, berkuatkuasa serta-merta hingga mahkamah memutuskan kes saman malunya.

Selain itu, Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Mohd Noor Ahmad yang membenarkan permohonan Anwar, memerintahkan perintah menghalang itu terpakai ke atas Khairuddin Abu Hassan yang terbabit dalam penerbitan dan pengedaran buku berkenaan.

Sehubungan itu, mahkamah menolak permohonan Khalid dan pemilik Media Pulau Lagenda, Rosihan Abdul Ghani (defenden) untuk mengetepikan perintah menghalang sementara yang diperoleh oleh Anwar pada 23 Jun lalu.

Mohd Noor berkata, buku itu adalah tulisan surat layang panjang dan dijadikan buku bertujuan menyerang keperibadian Anwar serta melagakan Timbalan Perdana Menteri dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pemimpin kerajaan dan tokoh veteran Umno.

(END)